



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **PRESTASI PARTI POLITIK DAN CALON WANITA DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14: PEMERHATIAN AWAL KPWKM**

Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) menyaksikan peningkatan dalam pencalonan wanita seramai 239 orang (10.24%) berbanding dengan 168 orang (8.8%) dalam PRU13. Seramai 72 orang iaitu 10.48% dari 687 calon mewakili pelbagai parti politik di kerusi Parlimen berbanding 56 orang pada PRU13. Manakala, pencalonan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi PRU-14 adalah seramai 167 calon wanita (10.15%) dari 1,646 calon di peringkat DUN berbanding 112 calon wanita pada PRU13.

Peningkatan ini selari dengan matlamat Tahun Memperkasa Wanita yang ingin memastikan wanita Malaysia gemilang dalam semua aspek termasuklah kepimpinan politik dan statistik mengikut jantina. Barisan Nasional telah berjaya mencalonkan 84 orang wanita (11.6%) berbanding 71 orang (9.8%) dalam PRU13 iaitu meningkat sebanyak 1.8% dari jumlah keseluruhan calon BN (kecuali DUN Sarawak). Berdasarkan jumlah ini, seramai 26 calon wanita BN bertanding untuk merebut kerusi Parlimen, manakala 58 kerusi DUN. Parti UMNO telah meletakkan jumlah calon wanita terbanyak iaitu 52 calon, diikuti dengan 6 calon MCA.

Sementara itu, terdapat sedikit peningkatan jumlah calon wanita PAS pada PRU-14 kali ini iaitu seramai 37 orang berbanding 25 calon dalam PRU13. Seramai 10 calon wanita PAS bertanding kerusi Parlimen dan 27 orang bertanding bagi kerusi DUN. Berdasarkan jumlah calon wanita yang diumumkan oleh SPR, gabungan Pakatan Harapan mencatatkan jumlah calon wanita seramai 80 calon dan calon bebas adalah seramai 37 orang. Ini menunjukkan parti gabungan BN telah mencatatkan pencalonan wanita yang tertinggi iaitu 84 calon dari jumlah keseluruhan calon wanita.

Analisis mengikut negeri menunjukkan Wilayah Persekutuan mempunyai peratusan calon wanita tertinggi iaitu 24% diikuti dengan Perlis iaitu 15%, Johor mencatatkan 14%

dan Selangor 13%. Manakala, Terengganu mencatat jumlah pencalonan wanita yang terendah iaitu 3% diikuti dengan Negeri Sembilan 5% dan juga Kelantan 6%. Terdapat lebih kurang 13 kerusi parlimen dan DUN meletakkan calon wanita bertanding dengan calon wanita yang lain. Seramai 27 calon wanita terlibat dalam senario ini di lapan buah negeri. Terdapat enam negeri yang tidak ada calon wanita bertanding dengan dengan calon wanita yang lain iaitu Sarawak, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Kedah.

PRU14 juga menyaksikan beberapa wanita muda yang berumur bawah 45 tahun sebagai penyandang kerusi parlimen dan DUN seperti Datuk Wira Mas Ermieyati, Datuk Norlee Ashilin dan Dato' Norsabrina. Kebanyakan parti politik juga telah menampilkan calon wanita muda yang berumur bawah 30 tahun seperti Warisan (28 tahun), Barisan Nasional (35 tahun) dan DAP (29 tahun). Ini membuktikan ahli politik wanita muda menjadi pilihan kerana boleh menunjukkan prestasi yang baik sebagai wakil rakyat dan telah diberi kepercayaan sekali lagi untuk mempertahankan kerusi mereka. PRU kali ini juga telah menampilkan muka baru yang mempunyai vibrasi segar di dalam arena politik. Sementara itu lebih 25 orang ahli Majlis Perwakilan Wanita dan Keluarga (MPWK) telah berjaya dicalonkan dalam PRU ini.

Adalah diharapkan PRU-14 ini dapat memberi impak kepada Laporan Indeks Jurang Gender Global 2018 nanti. Perbandingan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan 106, manakala negara jiran seperti Indonesia (88), Vietnam (65), Thailand (71) dan Brunei (103) berada di kedudukan yang lebih baik. Dari segi representasi politik wanita di Dewan Rakyat, Malaysia berada di kedudukan 155 dari 190 buah negara (Inter-Parliamentary Report 2017).

“Selari dengan Artikel 7 Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) yang telah menyatakan bahawa penglibatan wanita mempunyai hak yang sama rasa untuk mengundi, memegang jawatan awam dan mengambil bahagian dalam masyarakat, penelitian khusus diperlukan bagi dasar penyertaan calon wanita dalam PRU akan datang seperti yang digariskan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Dasar Wanita yang mensasarkan sekurang-kurangnya 30% calon wanita bagi setiap parti politik” kata Dato' Suriani binti Dato'

Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ahli jawatankuasa CEDAW di Geneva pada Februari 2018 lalu menekankan bahawa prestasi jumlah calon wanita PRU14 perlu dikaji dan besar kemungkinan memerlukan penetapan kuota sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai calon pilihan raya bagi setiap parti di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Peningkatan jumlah calon wanita PRU14 membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkasakan peranan wanita dalam semua sektor termasuk politik iaitu untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita di Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**PUTRAJAYA**  
**29 APRIL 2018**